



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBRS. ENCIK JOHARI BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH PERTANIAN
(PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PENGEMBANGAN)**

**SEMPENA
MAJLIS PENUTUP SEEDS SYMPOSIUM 2025**

23 MEI 2025 | JUMAAT

**DEWAN BESAR
SETIA CITY CONVENTION CENTRE, SHAH ALAM**

Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Madani,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Penutup SEEDS Symposium 2025 yang diadakan bersempena dengan AgTech International Agro Expo 2025.
2. Terlebih dahulu, saya bagi pihak penganjur ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang sudi meluangkan masa hadir bagi menyempurnakan majlis penutupan simposium ini meskipun dalam kesibukan tugas rasmi yang amat padat. Kehadiran YBhg. Datuk amat bermakna dan menjadi pemangkin semangat kepada seluruh warga pertanian, khususnya yang terlibat dalam pembangunan industri benih negara
3. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan simposium yang telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 21 hingga 23 Mei 2025. Kehadiran dan penglibatan aktif para peserta sepanjang program ini mencerminkan komitmen bersama dalam usaha memperkasa sektor pertanian negara, khususnya dalam industri benih, selaras dengan aspirasi pembangunan mampan dan daya saing global.

YBhg. Datuk dan sidang hadirin sekalian,

4. Sepanjang tempoh penganjuran simposium ini, sebanyak 25 sesi ceramah telah disampaikan melibatkan pelbagai dapatan penyelidikan, pandangan kritikal dan perkongsian pengalaman industri yang amat bernilai. Antara rumusan utama yang dapat disimpulkan termasuklah:
- i. Keperluan untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan penting industri benih dalam memastikan keterjaminan makanan negara;
 - ii. Galakan terhadap inovasi dan pembangunan teknologi dalam sektor benih;
 - iii. Kepentingan memperkasa kapasiti petani dan pengeluar benih tempatan;
 - iv. Keperluan membina jaringan kerjasama strategik antara pihak berkepentingan di peringkat tempatan dan antarabangsa; dan
 - v. Potensi besar untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab baharu industri benih di rantau Asia.
5. Saya percaya segala input, perbincangan dan resolusi yang telah dikemukakan sepanjang simposium ini bukan sahaja memperkaya wacana semasa, malah mampu mencetuskan tindakan susulan yang bersifat berimpak tinggi, sama ada dari sudut dasar mahupun pelaksanaan di lapangan.

6. Bagi pihak penganjur, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua penceramah, ahli panel jemputan, rakan kolaborasi serta barisan urus setia yang telah memberikan komitmen penuh dalam memastikan kelancaran dan kejayaan penganjuran simposium ini.
7. Akhir kata, saya berharap pertemuan ini akan menjadi titik tolak kepada jalinan kerjasama yang lebih strategik dan berterusan demi pembangunan industri benih yang lebih mampan, inklusif dan berdaya saing di peringkat serantau serta antarabangsa.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum w.b.t.